



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**LAYANAN CUKAI KE ATAS ROYALTI  
BAGI BAYARAN PERISIAN KEPADA  
BUKAN PEMASTAUTIN**

**KETETAPAN UMUM NO. X/2023**

**TARIKH PENERBITAN: XX XX 2023**



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**LAYANAN CUKAI KE ATAS ROYALTI  
BAGI BAYARAN PERISIAN KEPADA  
BUKAN PEMASTAUTIN**

**Ketetapan Umum No. X/2023  
Tarikh Penerbitan: XX XX 2023**

Diterbitkan oleh  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2023 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	2
5. Perolehan Pendapatan Kasar Royalti	5
6. Layanan Cukai Berhubung Bayaran Perisian kepada Bukan Pemastautin	5
7. Bayaran Perisian Tergolong di bawah Skop Royalti	7
8. Contoh-contoh Bayaran Merupakan Yuran Perkhidmatan dan Tertakluk kepada Cukai Pegangan Seksyen 109B ACP	14
9. Pembayaran Pendahuluan dan Deposit	16
10. Potongan Cukai	16
11. Meremitkan Cukai yang Telah Dipotong	18
12. Kesan Tidak Memotong dan Meremit Cukai	20
13. Permohonan untuk Relif Selain Berkenaan Kesilapan atau Khilaf di bawah Seksyen 131A ACP	21
14. Rayuan oleh Pembayar atas Bayaran Cukai Pegangan di bawah Seksyen 109H ACP	22
15. Perjanjian Pengelakkan Pencucuaian Dua Kali	22
16. Pengecualian Cukai Pegangan atas Royalti	23
17. Penafian	24



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**LAYANAN CUKAI KE ATAS ROYALTI  
BAGI BAYARAN PERISIAN KEPADA  
BUKAN PEMASTAUTIN**

**Ketetapan Umum No. X/2023  
Tarikh Penerbitan: XX XX 2023**

### **KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

DRAF KONSULTASI WPM

## **1. Objektif**

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan –

- (a) layanan cukai ke atas bayaran royalti bagi perisian khususnya kepada bukan pemastautin; dan
- (b) potongan cukai daripada bayaran royalti.

## **2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan**

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 3, 4A, 7 dan 8, subperenggan 6(1)(b)(i), seksyen 15, perenggan 39(1)(f), seksyen 98, 109, 109B, 109H, subseksyen 113(2), seksyen 131A, subseksyen 132(1) dan Bahagian II, Jadual 1 ACP.
- 2.3 Peruntukan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah:
  - (a) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2019 [P.U. (A) 147/2019];
  - (b) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 22) 2007 [P.U. (A) 437/2007]; dan
  - (c) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2017 [P.U. (A) 323/2017].

## **3. Tafsiran**

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Individu” bermaksud orang biasa.
- 3.2 “Ketua Pengarah” bermaksud Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.
- 3.3 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.4 “Pemastautin” bermaksud pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran seperti yang ditentukan di bawah seksyen 7 dan seksyen 8 ACP
- 3.5 “Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) dan protokol” bermaksud perjanjian yang dibuat di antara dua pentadbir dari dua negara bagi menghapuskan pencukaian dua kali.

- 3.6 “Pesuruhjaya Khas” bermaksud Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan yang disebut dalam seksyen 98 ACP.

#### 4. Pengenalan

- 4.1 Takrifan royalti di bawah peruntukan subseksyen 2(1) ACP:

“Royalti” termasuk jumlah yang dibayar sebagai balasan untuk, atau diperoleh daripada –

- (a) penggunaan atau hak untuk menggunakan berkaitan hak cipta, perisian, hasil kerja seni atau saintifik, paten, reka bentuk atau model, pelan, proses rahsia atau formula, tanda dagang atau harta atau hak yang seumpama;
- (b) penggunaan atau hak untuk menggunakan pita untuk siaran radio atau televisyen, filem wayang gambar, filem atau pita video atau apa jua cara penghasilan semula jika filem atau pita itu telah digunakan atau akan digunakan atau dihasilkan semula di Malaysia, atau harta atau hak yang seumpama;
- (c) penggunaan atau hak untuk menggunakan, *know-how* atau maklumat tentang hal teknikal, perindustrian, perdagangan atau pengetahuan, pengalaman atau kemahiran saintifik;
- (d) penerimaan atau hak untuk menerima imej visual atau suara, atau kedua-duanya, yang ditransmisi kepada umum melalui –
  - (i) satelit; atau
  - (ii) kabel, gentian optik atau teknologi serupa;
- (e) penggunaan atau hak untuk menggunakan imej visual atau suara, atau kedua-duanya berkaitan dengan siaran television atau siaran radio, yang ditransmisi melalui –
  - (i) satelit; atau
  - (ii) kabel, gentian optik atau teknologi serupa;
- (f) penggunaan atau hak untuk menggunakan sebahagian atau keseluruhan radiofrekuensi spektrum tertakluk kepada lesen berkaitan;
- (g) kesemua atau sebahagian kelonggaran (*forbearance*) berkenaan dengan –
  - (i) penggunaan, atau pemberian hak untuk menggunakan, mana-mana harta atau hak seperti yang disebut dalam perenggan (a)

- atau (b) atau mana-mana pengetahuan, pengalaman itu atau kemahiran seperti yang disebut dalam perenggan (c);
- (ii) penerimaan, atau pemberian hak untuk menerima, apa-apa imej visual atau bunyi seperti yang disebut dalam perenggan (d);
  - (iii) penggunaan, atau pemberian hak untuk menggunakan, mana-mana imej atau bunyi visual seperti yang disebutkan dalam perenggan (e); atau
  - (iv) penggunaan, atau pemberian hak untuk menggunakan, beberapa atau semua bahagian spektrum yang dinyatakan dalam lesen spektrum seperti yang disebut dalam perenggan (f); atau
- (h) pindah milik (alienation) sebarang harta, *know-how* atau maklumat seperti dinyatakan di perenggan (a), (b) dan (c) dalam takrifan ini.
- 4.2 Interpretasi royalti di atas yang berkuat kuasa mulai 17.1.2017 memperjelaskan lagi takrifan royalti sebagai bayaran untuk penggunaan atau hak untuk penggunaan yang merangkumi:
- (i) perisian;
  - (ii) transmisi melalui satelit;
  - (iii) bayaran menghalang penggunaan hak;
  - (iv) bayaran penggunaan peralatan industri, komersil dan saintifik; dan
  - (v) penggunaan spektrum radiofrekuensi tertakluk kepada lesen berkaitan.
- 4.3 Perkataan “perisian” telah dimasukkan dalam interpretasi royalti bertujuan untuk memberi kejelasan tafsiran royalti di bawah subseksyen 2(1) ACP. Layanan cukai terhadap bayaran atau penerimaan bagi royalti ini adalah sama sebelum dan selepas pindaan akta, di mana sebelum pindaan, bayaran perisian adalah tergolong di bawah kategori **hak cipta** dalam tafsiran royalti di bawah subseksyen 2(1) ACP.
- Hak cipta adalah termasuk perisian kerana berdasarkan takrifan hak cipta di bawah subseksyen 7(1) Akta Hak Cipta 1987, karya sastera (literary work) adalah layak untuk hak cipta. Seksyen 3 Akta Hak Cipta 1987 pula mentakrifkan karya sastera termasuk **program komputer**.
- 4.4 Mengikut perenggan 12.1 dalam *Article 12 OECD Model Tax Convention (MTC) Commentary*, perisian boleh digambarkan sebagai program, atau siri program, yang mengandungi arahan untuk komputer yang diperlukan sama ada untuk proses operasi komputer itu sendiri (operasi perisian) atau untuk

melaksanakan tugas lain (perisian aplikasi). Ia boleh dipindahkan melalui pelbagai media, contohnya secara bertulis atau elektronik, pada pita magnetic atau cakera, cakera laser atau CD-ROM. Ia mungkin diseragamkan dengan pelbagai aplikasi atau dibuat khusus untuk pengguna tunggal. Ia boleh dipindahkan sebagai bahagian penting perkakasan komputer atau dalam bentuk bebas yang tersedia untuk digunakan pada pelbagai perkakasan.

4.5 Secara am, terdapat dua (2) jenis perisian yang utama iaitu:

(a) Perisian Sistem Operasi

Fungsi asas dan kecekapan komputer bergantung semata-mata pada perisian sistem operasi yang tidak akan beroperasi tanpanya. Perisian sistem operasi biasanya berada di dalam komputer (perkakasan); oleh itu, ia juga dirujuk sebagai perisian yang digabungkan. Walau bagaimanapun, perisian sistem operasi juga boleh diperoleh secara berasingan daripada perkakasan.

Contoh perisian sistem operasi adalah *Microsoft Windows*, *Apple macOS*, dan *Linux*.

(b) Perisian Aplikasi

Perisian aplikasi melibatkan program untuk melaksanakan tugas atau aplikasi khusus, seperti permainan video, pemprosesan perkataan, reka bentuk grafik dan program pembelajaran. Tidak seperti perisian sistem yang direka untuk menjalankan perkakasan komputer dan mengurus sistem operasi, perisian aplikasi memenuhi pelbagai keperluan dan tujuan pengguna.

Contoh perisian aplikasi adalah *Microsoft Word*, *Microsoft Excel*, *Outlook Express*, dan *Internet Explorer*.

4.6 Kaedah Penghantaran / Transmisi dan Bentuk Bayaran

(a) Satu program perisian, sama ada ditulis dalam bahasa pengaturcaraan atau dikompilasikan ke dalam kod sumber adalah dianggap sebagai harta intelek tidak ketara.

Walaupun bagaimanapun, berbeza dengan bentuk harta intelek yang lain, ia boleh berinteraksi dengan peranti fizikal di mana lesen, paten, dan hak cipta hanya mewakili hak tidak ketara. Program asas biasanya tidak bergantung pada media fizikalnya, bahkan dapat dibeli dan dipindahkan secara tidak ketara (iaitu melalui rangkaian internet).

Sebagai contoh, selepas program ditulis, ia boleh direkodkan pada cakera, disalin ke pemacu keras komputer lain, atau dipindahkan melalui rangkaian. Pembelian perisian boleh dianggap sebagai



pembelian harta ketara atau tidak ketara adalah bergantung kepada ciri-ciri setiap transaksi.

- (b) Terdapat pelbagai bentuk bayaran untuk perisian. Ia boleh dalam bentuk wang atau jenis lain (barangan) dan tidak memerlukan formula tertentu, contohnya bayaran sekali gus, bulanan atau tahunan, berdasarkan jualan, dan sebagainya.

Walaupun bagaimanapun, kaedah penghantaran / transmisi dan bentuk bayaran tidak akan mempengaruhi pencirian dan layanan cukai ke atas pendapatan daripada perisian. Adalah penting penentuan dibuat berdasarkan ciri-ciri ekonomi asas perisian tersebut kerana terdapat transaksi dalam bentuk barangan, perkhidmatan atau harta intelek, atau ketiga-tiganya digabungkan.

## **5. Perolehan Pendapatan Kasar Royalti**

- 5.1 Skop pengenaan cukai pendapatan di Malaysia ditentukan di bawah seksyen 3 ACP yang memperuntukkan bahawa untuk suatu tahun taksiran, cukai pendapatan dikenakan ke atas pendapatan mana-mana orang yang terakru dalam atau terbit dari Malaysia atau diterima di Malaysia dari luar Malaysia.
- 5.2 Menurut seksyen 15 ACP, pendapatan kasar berhubung dengan royalti disifatkan diperolehi dari Malaysia dalam keadaan berikut:
  - (a) jika tanggungjawab bagi pembayaran royalti terletak pada Kerajaan atau Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan;
  - (b) jika tanggungjawab pembayaran royalti dalam tahun asas suatu tahun taksiran terletak pada bukan pemastautin untuk tahun asas itu; atau
  - (c) jika royalti dikenakan sebagai suatu perbelanjaan terhadap pendapatan yang terakru dalam atau diperolehi dari Malaysia.
- 5.3 Sebarang pendapatan berhubung dengan perisian dianggap terbit dari Malaysia jika ianya dikaitkan dengan mana-mana aktiviti di Malaysia tidak kira sama ada pendapatan itu diterima di Malaysia atau sebaliknya.

## **6. Layanan Cukai Berhubung Bayaran Perisian kepada Bukan Pemastautin**

- 6.1 Bayaran perisian kepada bukan pemastautin yang tidak mempunyai establismen tetap (di mana suatu Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali adalah berkaitan) atau di mana tidak wujud tempat perniagaan di Malaysia adalah tertakluk kepada cukai pegangan di bawah –
  - (a) Seksyen 109 ACP, sekiranya bayaran yang diterima adalah pendapatan royalti di bawah Akta ini; atau
  - (b) Seksyen 109B ACP, sekiranya pendapatan yang diterima adalah pendapatan yang termasuk di bawah skop perenggan 4A(ii) ACP;

- 6.2 Jika bukan pemastautin mempunyai establismen tetap atau wujud tempat perniagaan di Malaysia, bayaran diterima boleh dikenakan cukai di bawah perenggan 4(a) Akta ini.
- 6.3 Kaedah layanan cukai berhubung dengan bayaran perisian kepada bukan pemastautin akan bergantung kepada fakta setiap kes. Sebagai panduan, kriteria untuk menentukan sama ada pembayaran kepada bukan pemastautin merupakan royalti atau yuran perkhidmatan adalah seperti berikut:
- (a) Bayaran adalah royalti dan tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109 ACP jika:
- (i) bayaran adalah untuk pembelian atau penggunaan atau hak untuk menggunakan aplikasi oleh pembayar bagi tujuan kegunaan sendiri.
  - (ii) berhubung dengan pembayaran perisian, sebarang pembelian aplikasi dan kandungan adalah di bawah tafsiran royalti. Selagi harta intelek masih menjadi milik pemilik asal aplikasi dan kandungan, pembelian tersebut masih jatuh di bawah takrifan royalti tidak kira sama ada ia boleh diubah suai [eksplot / ubah suai / pindaan (alteration)] atau tidak
- (b) Bayaran merupakan yuran perkhidmatan dan tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B ACP jika:-
- (i) ia tidak melibatkan pembelian atau penggunaan aplikasi tetapi semata-mata penyediaan perkhidmatan oleh bukan pemastautin.
  - (ii) berhubung dengan pembayaran perisian, penyediaan perkhidmatan bermakna penyedia perkhidmatan membangunkan fungsi yang berkaitan untuk digunakan oleh pengguna (pembayar).
- Pendapatan daripada perkhidmatan ini adalah di bawah pendapatan kelas khas [perenggan 4A(ii) ACP].
- 6.4 Mengikut penjelasan dalam Nota Amalan No. 1/2018, bayaran berkaitan dengan Pengiklanan Digital adalah:
- (a) Tertakluk kepada seksyen 109 ACP, sekiranya ia adalah pembelian atau penggunaan (contohnya) applikasi (*Apps*) oleh pembayar yang membenarkan pembayar membuat / mereka kempen pengiklanan sendiri; atau
  - (b) Tertakluk kepada seksyen 109B ACP, sekiranya ianya tidak melibatkan pembelian atau penggunaan applikasi, tetapi semata-mata penyediaan

perkhidmatan oleh bukan pemastautin. Dalam kes ini, pembayar bergantung sepenuhnya kepada penyedia perkhidmatan untuk mengurus semua aspek berkaitan pengiklanan digital.

- 6.5 Layanan cukai berhubung dengan bayaran perisian oleh pengedar dan penjual semula kepada bukan pemastautin adalah bergantung kepada fakta setiap kes. Dalam konteks Perjanjian Pengelakkan Percukaian Dua Kali (PPPK), definisi royalti dan establishmen tetap mungkin berbeza. Oleh itu rujukan hendaklah dibuat kepada PPPDK negara pejanji tersebut.

## 7. Bayaran Perisian Tergolong di bawah Skop Royalti

Berikut adalah contoh-contoh bayaran yang tergolong di bawah skop royalti mengikut peruntukan subseksyen 2(1) ACP dan tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109 ACP:

- (a) Pembelian komputer riba bersama perisian

### Contoh 1

Syamire & Kamire Associate, sebuah firma guaman telah membeli sebuah komputer riba jenama Super daripada Orite Pte. Ltd., sebuah syarikat bukan pemastautin dengan harga RM5,000. Kos Perkakasan komputer adalah RM3,000 manakala kos perisian adalah RM2,000. Spesifikasi asas perisian adalah dilengkapi dengan *Solid State Drive* (SSD).

Kos perisian sebanyak RM2,000 adalah tertakluk di bawah takrifan royalti.

- (b) Muat turun aplikasi secara percuma dan perisian tambahan

### Contoh 2

Fakta kes sama seperti contoh 1, Syamire & Kamire Associate telah memuat turun aplikasi perisian percuma yang diperoleh daripada internet dan juga membeli perisian tambahan, daripada pembekal bukan pemastautin, Alpha Limited. Terdapat perjanjian pembelian perisian yang mensyaratkan Syamire & Kamire Associate tiada hak untuk mengeksploitasi, membuat salinan pendua perisian dan tiada hak untuk mengubah suai, menyusun atau mengatur perisian berkaitan.

Layanan cukai ke atas aktiviti memuat turun aplikasi secara percuma melalui internet adalah tidak dikenakan cukai pegangan kerana tiada bayaran dibuat. Oleh itu isu royalti tidak berbangkit.

Walau bagaimanapun, bayaran untuk pembelian perisian tambahan daripada Alpha Limited, tidak kira sama ada perisian tersebut boleh diubah suai atau tidak adalah termasuk dalam definisi royalti.

- (c) Pembelian perisian dan bayaran lesen

**Contoh 3**

Maju Sdn. Bhd. adalah syarikat pemaju perumahan yang menggunakan perisian perakaunan bagi menyediakan pelaporan kewangannya. Maju Sdn. Bhd. telah membeli perisian daripada syarikat bukan pemastautin berharga RM100,000 dan membayar bayaran lesen tahunan sebanyak RM3,000.

Kedua-dua bayaran kepada pembekal perisian dianggap sebagai royalti atas penggunaan atau hak untuk menggunakan perisian.

- (d) Bayaran untuk pengiklanan digital

**Contoh 4**

Seri menjalankan perniagaan kosmetik secara atas talian. Seri menggunakan platform media sosial yang disediakan oleh syarikat bukan pemastautin untuk mengiklankan produk. Seri dibenarkan untuk mereka dan memuat naik iklan produknya ke platform tersebut.

Bayaran kepada penyedia media sosial bukan pemastautin dianggap sebagai royalti.

- (e) Perubahan identiti pembayar dan jenis bayaran

**Contoh 5**

Mesra Sdn. Bhd. merupakan afiliasi (affiliate) kepada Sunshine Pte. Ltd., sebuah syarikat perisian bukan pemastautin di mana Mesra Sdn. Bhd. membayar yuran tahunan atas penggunaan lesen, menaik taraf perisian dan kerja penyelenggaraan. Dalam tahun 2023, Mesra Sdn. Bhd. telah menukar identiti daripada afiliasi kepada penjual semula (reseller). Mesra Sdn. Bhd. tidak lagi membayar yuran tahunan kepada Sunshine Pte. Ltd. tetapi telah membuat bayaran untuk pembelian sijil digital. Mesra Sdn. Bhd. diberi lesen untuk mengedar sijil digital kepada pengguna akhir. Bayaran adalah termasuk penggunaan nama dagangan, tanda dagangan dan logo produk Sunshine Pte. Ltd.

Sijil digital merupakan produk perisian komputer dan sehubungan itu adalah termasuk dalam definisi royalti. Perubahan identiti daripada afiliasi kepada penjual semula dan perubahan jenis bayaran tidak mempengaruhi pencirian dan layanan cukai ke atas pendapatan perisian.

- (f) Bayaran mengakses perisian dan perkhidmatan sampingan

**Contoh 6**

Oriental Private Limited sebuah syarikat bukan pemastautin memberi akses pelbagai saluran (channel) kepada pelanggan untuk menerima data kewangan yang boleh digunakan untuk tujuan menjejaki harga saham, menyemak prestasi entiti yang lepas, memantau pasaran tertentu termasuk komoditi, bon, mata wang dan lain-lain. Data ditransmit dari Oriental Private Limited kepada pelanggan melalui media elektronik. Bayaran yuran bulanan sebanyak RM5,000 dan bayaran sekaligus untuk kos pemasangan RM1,000.

Bayaran yuran bulanan RM5,000 adalah pendapatan royalti.

Manakala bayaran sekaligus untuk kos pemasangan sebanyak RM1,000 adalah dikelaskan di bawah pendapatan kelas khas di bawah seksyen 4A ACP dan tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B ACP atas amaun berhubung dengan perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia.

- (g) Bayaran perisian yang dibuat khas

**Contoh 7**

Sinar Berhad menandatangani satu kontrak dengan Xing Xing Private Ltd., sebuah syarikat bukan pemastautin. Xing Xing Private Ltd. akan membangun, melaksana, menyelenggara dan mengendalikan satu sistem XYZ untuk Sinar Berhad. Xing Xing Private Ltd. memberi lesen tidak eksklusif dan tidak boleh dipindah milik kepada Sinar Berhad untuk menggunakan sistem XYZ bagi tujuan dalaman. Bayaran yuran lesen bulanan termasuk pengehosan (hosting), pengurusan, dan sokongan XYZ. Bayaran adalah berdasarkan bilangan kedai, pengedar, dan pengguna akhir yang aktif pada bulan tersebut.

Bayaran bagi tujuan mendapatkan hak untuk menggunakan perisian XYZ adalah merupakan royalti.

- (h) Bayaran yuran pengedar

**Contoh 8**

Ayu Sdn. Bhd. menjalankan aktiviti membeli perisian komputer daripada Star Pte. Ltd., sebuah syarikat bukan pemastautin dan mengedar perisian komputer tersebut kepada pelanggan di Malaysia. Ayu Sdn. Bhd. menandatangani *Authorised Distributor Agreement* dengan Star Pte. Ltd. Yuran lesen perisian yang dikenakan adalah berdasarkan bilangan pengguna dan harga akan ditentukan mengikut senarai harga daripada Star Pte. Ltd. dari semasa ke semasa.

Bayaran perisian komputer adalah merupakan royalti. Ini adalah selaras dengan definisi royalti di bawah subseksyen 2(1) ACP iaitu “penggunaan atau hak untuk menggunakan berkaitan hak cipta dan perisian.” Walaupun Ayu Sdn. Bhd. tidak mempunyai hak untuk mengeksploitasi atau membuat sebarang ubah suai atau modifikasi ke atas perisian tersebut, Star Pte. Ltd. masih merupakan pemilik harta intelek perisian komputer berkenaan.

- (i) Kadar PPPDK mengikut negara mastautin pemilik benefisial sebenar

### Contoh 9

Sinaran Sdn. Bhd. telah menandatangani perjanjian dengan Guang Ming Pte. Ltd. sebuah syarikat di Hong Kong dan Gamma Ltd. yang merupakan sebuah syarikat Taiwan.

Guang Ming Pte. Ltd. menjual Smart TV termasuk prapasang (preinstalled) kandungan dan aplikasi yang disediakan oleh Gamma Ltd. kepada Sinaran Sdn. Bhd.

Guang Ming Pte. Ltd. mereka bentuk dan menyediakan perkakasan serta perisian tegar (firmware) yang sesuai dengan kandungan dan aplikasi prapasang yang disediakan oleh Gamma Ltd.

Gamma Ltd. menyediakan kandungan dan aplikasi prapasang pada TV pintar. Di samping itu, Gamma Ltd. menyelenggara gedung aplikasi dan menyediakannya untuk pengguna TV pintar. Guang Ming Pte. Ltd. dan Gamma Ltd. hendaklah memberikan perkhidmatan masing-masing secara berasingan kepada Sinaran Sdn. Bhd.

Sinaran Sdn. Bhd. membuat bayaran kepada Guang Ming Pte. Ltd. termasuk bayaran lesen dan hak penggunaan aplikasi yang dibekalkan oleh Gamma Ltd.

Bahagian bayaran yang melibatkan lesen dan hak penggunaan aplikasi merupakan royalti. Kadar cukai adalah 10% [P.U. (A) 201/1998 dirujuk]. Walaupun bayaran dibuat terus kepada Guang Ming Pte. Ltd. yang bermastautin di Hong Kong, tetapi kadar PPPDK di antara Malaysia dan Hong Kong tidak diguna pakai kerana pemberi lesen dan hak penggunaan aplikasi yang sebenar adalah Gamma Ltd. (pemilik benefisial royalti) yang bermastautin di Taiwan.

- (j) Bayaran caj penyelenggaraan

### Contoh 10

Maju Sdn. Bhd. menandatangani satu perjanjian dengan Osaka Corporation, sebuah syarikat bukan pemastautin. Bayaran kepada Osaka Corporation termasuk caj lesen permulaan dan caj penyelenggaraan tahunan perisian ABC dan sistem OPQ.

ABC adalah perisian reka bentuk tiga dimensi (3D). Reka bentuk tersebut akan disimpan dalam sistem OPQ setelah diluluskan oleh Osaka Corporation.

Maju Sdn. Bhd. akan membayar lesen permulaan dan caj tahunan berdasarkan penggunaan kepada Osaka Corporation.

Bayaran caj permulaan lesen dan caj penyenggaraan tahunan yang berdasarkan kepada penggunaan merupakan bayaran bagi hak menggunakan perisian. Bayaran ini adalah termasuk di bawah definisi royalti.

- (k) Bayaran perkhidmatan berasaskan awan

**Contoh 11**

Nora Sdn. Bhd., sebuah syarikat pembangun perisian telah memeterai perjanjian dengan Beta Ltd., sebuah syarikat bukan pemastautin yang menyediakan perkhidmatan berasaskan awan (cloud based). Nora Sdn. Bhd. mendapat perkhidmatan storan, pemindahan data, pangkalan data, dan *Application Programming Interface* (API) daripada Beta Ltd.

Bayaran ini adalah tergolong dalam maksud royalti.

- (l) Bayaran lesen kekal dan yuran langganan

**Contoh 12**

Pelangi Berhad membuat bayaran sebanyak RM200,000 untuk pembelian perisian yang melibatkan bayaran sekali gus lesen kekal (perpetual license), bagi haknya untuk menggunakan perisian tersebut selama-lamanya. Selain itu, Pelangi Berhad perlu membayar yuran langganan tahunan sebanyak RM5,000 untuk lesen perisian, akses kepada perkhidmatan sokongan dan versi baharu perisian. Semua pembayaran dibuat kepada Sunset Limited, sebuah syarikat bukan pemastautin.

Kedua-dua yuran pelesenan kekal sebanyak RM200,000 dan yuran langganan tahunan sebanyak RM5,000 dianggap sebagai royalti.

- (m) Bayaran langganan laporan penilaian

**Contoh 13**

Summer Sdn. Bhd. membeli dan melanggan laporan penilaian psikometrik secara dalam talian daripada Delta & Co., sebuah syarikat bukan pemastautin yang merupakan pemegang hak cipta. Penilaian ini digunakan oleh Summer Sdn. Bhd. untuk proses pengambilan kakitangan baharu. Laporan penilaian dan interpretatif psikometrik dihasilkan daripada soal selidik yang dijawab oleh calon bagi tujuan memahami personaliti individu.



Yuran langganan laporan penilaian psikometrik adalah royalti kerana ia merupakan bayaran untuk penggunaan, atau hak untuk penggunaan berkenaan dengan mana-mana hak cipta, di mana mengikut subseksyen 7(1) Akta Hak Cipta 1987, karya sastera adalah layak untuk hak cipta. Manakala seksyen 3 Akta yang sama mentakrifkan karya sastera adalah termasuk “surat, laporan dan memorandum serta program computer.”

- (n) Bayaran untuk sistem pembelajaran digital

**Contoh 14**

Bagi tujuan meningkatkan penglibatan pelajar yang mengikut kelas dalam talian, sebuah universiti tempatan telah melanggan perkhidmatan dalam talian atau alat pembelajaran digital yang dikenali sebagai Fun Learning dari sebuah syarikat bukan pemastautin. Fun Learning adalah sistem interaktif dalam bilik darjah berasaskan permainan yang membolehkan fasilitator membuat kuiz, perbincangan dan tinjauan yang boleh dimainkan oleh pelajar dalam masa nyata (real time).

Bayaran yuran langganan bagi tujuan mendapatkan hak untuk menggunakan dan penggunaan perisian Fun Learning adalah termasuk di bawah definisi royalti.

- (o) Pembelian produk digital

**Contoh 15**

Moonlight Enterprise membuat bayaran kepada bukan pemastautin untuk memperoleh produk digital berhak cipta. Produk digital termasuk muat turun lagu dalam talian, video muzik, filem, e-buku, video permainan, nada dering, logo dan produk lain yang serupa. Moonlight Enterprise tidak diberikan hak secara komersil atau hak untuk mengeksploitasi produk digital tersebut.

Bayaran untuk pembelian dan penggunaan produk digital adalah termasuk di bawah definisi royalti tidak kira sama ada Moonlight Enterprise diberi hak secara komersil atau hak untuk mengeksploitasi produk digital tersebut atau tidak.

- (p) Langganan perisian untuk mesyuarat dalam talian

**Contoh 16**

Easy Bhd. melanggan perisian untuk mesyuarat dalam talian daripada pemilik perisian dan aplikasi bukan pemastautin. Easy Bhd. boleh menjana pautan mesyuarat dalam talian bersama-sama dengan notis mesyuarat yang membolehkan peserta mengakses mesyuarat dalam talian.

Bayaran yang dibuat oleh Easy Bhd. atas penggunaan atau hak untuk menggunakan perisian dan aplikasi tersebut merupakan bayaran royalti kepada bukan pemastautin.



- (q) Caj yuran langganan platform digital

**Contoh 17**

Sri Ayu menjalankan jualan produknya secara dalam talian melalui platform digital Eh-Bay yang dimiliki oleh sebuah syarikat bukan pemastautin. Sri Ayu dikenakan caj yuran langganan bulanan sebanyak USD 20.50. Yuran langganan adalah berkaitan dengan hak untuk menggunakan aplikasi Eh-Bay.

Di bawah subseksyen 2(1) ACP, yuran langganan bulanan adalah di bawah kategori bayaran untuk penggunaan atau hak untuk menggunakan perisian dan ia adalah dianggap sebagai royalti.

- (r) Bayaran-bayaran lain

**Contoh 18**

Empire Sdn. Bhd. membuat bayaran kepada pembekal-pembekal bukan pemastautin bagi perkhidmatan seperti berikut:

- (i) Yuran langganan portal berita dalam talian yang membenarkan pengguna mencari maklumat dan memuat turun maklumat dari portal tersebut.
- (ii) Yuran langganan untuk alatan digital, platform e-Pembelajaran atau kandungan perpustakaan dan e-buku.
- (iii) Yuran pendaftaran program kursus atau latihan dalam talian, persidangan, bengkel dan seminar.
- (iv) Aplikasi berasaskan web (contoh pigeonhole) untuk sesi soal jawab semasa mesyuarat, seminar atau persidangan, di mana soalan dari peserta boleh ditapis dan dipaparkan oleh pengguna. Pengguna juga boleh mengemukakan jawapan melalui aplikasi yang sama.

Semua bayaran kepada pembekal bukan pemastautin seperti di atas adalah termasuk di bawah definisi royalti.

- (s) Bayaran caj tambahan yuran keahlian profesional

**Contoh 19**

Winter Berhad membayar yuran keahlian tahunan kepada sebuah badan profesional bukan pemastautin. Yuran keahlian profesional asas ditawarkan bersama dengan akses tambahan (complimentary access) kepada e-perpustakaan badan professional tersebut.

Keseluruhan yuran keahlian badan professional bukan merupakan royalti dan tidak tertakluk kepada Cukai Pegangan.

Walau bagaimanapun, sekiranya selepas menjadi ahli, Winter Berhad membuat bayaran yuran langganan dan caj tambahan untuk mengakses pangkalan data maklumat dan pembelajaran dalam talian, bayaran tersebut merupakan royalti.

**8. Bayaran Merupakan Yuran Perkhidmatan dan Tertakluk kepada Cukai Pegangan Seksyen 109B ACP**

Bayaran berkaitan dengan perisian kepada bukan pemastautin yang tidak melibatkan pembelian atau penggunaan aplikasi tetapi hanya penyediaan perkhidmatan oleh bukan pemastautin, tidak dianggap sebagai royalti.

Penyediaan perkhidmatan bermaksud penyedia perkhidmatan membangunkan fungsi yang berkaitan untuk digunakan oleh pembayar.

Pendapatan daripada perkhidmatan ini adalah di bawah pendapatan kelas khas [perenggan 4A(ii) ACP] dan tertakluk kepada seksyen 109B ACP. Walau bagaimanapun, perkhidmatan yang dilakukan di luar Malaysia adalah dikecualikan cukai mulai 6.9.2017 melalui Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2017 [P.U. (A) 323/2017].

(a) Yuran transaksi perkhidmatan

**Contoh 20**

Fakta kes adalah seperti contoh 17 di atas. Mengikut perjanjian di antara Sri Ayu dan Eh-Bay, Seri Ayu juga dikehendaki membayar yuran transaksi berhubung dengan perkhidmatan yang dilakukan oleh Eh-Bay. Yuran transaksi yang dikenakan adalah 5% atas setiap transaksi yang berjaya.

Yuran transaksi yang diterima oleh Eh-Bay atas perkhidmatan yang diberikan ialah pendapatan kelas khas di bawah perenggan 4A(ii) ACP.

(b) Yuran perkhidmatan gerbang e-bayaran

**Contoh 21**

Bukan pemastautin mengenakan fi bagi perkhidmatan gerbang e-bayaran kepada pedagang dengan menyediakan pautan ke gerbang e-bayaran di tapak web pedagang bagi membolehkan para pelanggan mengakses dan membuat bayaran dalam talian kepada pedagang.

Bayaran tersebut tidak dianggap sebagai royalti dan tidak tertakluk kepada bayaran cukai pegangan di bawah seksyen 109 ACP. Ia adalah merupakan pendapatan kelas khas di bawah perenggan 4A(ii) ACP.

- (c) Bayaran yuran sokongan teknikal

**Contoh 22**

Murni Berhad membuat bayaran untuk yuran sokongan teknikal kepada ST Pte. Ltd., sebuah syarikat bukan pemastautin bagi satu sistem perakaunan yang dilaksanakan di luar Malaysia. ST Pte. Ltd. merupakan syarikat induk Murni Berhad.

Bayaran ini adalah berkaitan dengan caj yang dikenakan oleh ST Pte. Ltd. kepada Murni Berhad bagi perkhidmatan meja bantuan untuk sokongan teknikal.

Bayaran kepada ST Pte. Ltd. bagi sistem perakaunan merupakan pendapatan kelas khas di bawah perenggan 4A(ii) ACP.

- (d) Bayaran platform peperiksaan dalam talian

**Contoh 23**

Mawar Universiti menggunakan platform dalam talian untuk mengendalikan program peperiksaan. Platform dalam talian tersebut diurus dan diselenggara oleh bukan pemastautin yang akan memuat naik kertas peperiksaan untuk dijawab oleh calon secara dalam talian. Skrip jawapan peperiksaan ditanda dan dibuat pemarkahan oleh pemeriksa secara dalam talian.

Bayaran kepada bukan pemastautin ini tidak dianggap sebagai royalti. Ia adalah merupakan pendapatan kelas khas di bawah perenggan 4A(ii) ACP.

- (e) Bayaran untuk penggunaan platform perkhidmatan tempahan tiket dan sewaan kenderaan dalam talian

**Contoh 24**

SP Ltd. sebuah syarikat bukan pemastautin menyediakan perkhidmatan tempahan tiket penerbangan dan sewa kenderaan dalam talian melalui satu platform. Pelanggan boleh menempah tiket penerbangan dan sewa kenderaan serta membuat pembayaran melalui platform ini.

Golden Airline, sebuah syarikat penerbangan di Malaysia menggunakan platform perkhidmatan tempahan tiket manakala Azrul & Jharul Enterprise pula, sebuah perkongsian di Malaysia menggunakan platform perkhidmatan sewaan kenderaan yang disediakan oleh SP Ltd.

Selepas menolak yuran atau komisen daripada tempahan tiket penerbangan dan sewaan kenderaan, SP Ltd. akan melepaskan baki kepada Golden Airline dan Azrul & Jharul Enterprise.

Yuran atau komisen yang diterima oleh SP Ltd. merupakan pendapatan kelas khas di bawah perenggan 4A(ii) ACP.

- (f) Bayaran untuk penyambungan rangkaian internet

**Contoh 25**

Union Ltd. merupakan syarikat penyedia rangkaian kewangan yang berpangkalan di Shanghai China. Union Ltd. menyediakan perkhidmatan pembayaran kad perbankan di China. Syarikat Anggerik menjalankan usahasama dengan Union Ltd. menerusi perkongsian rangkaian perkhidmatan ATM. Akses rangkaian internet ini membolehkan maklumat aktiviti perbankan dapat disalurkan kepada Union Ltd. Union Ltd. mengenakan bayaran ke atas Syarikat Anggerik untuk penyambungan capaian rangkaian internet yang disediakan.

Bayaran yang dibuat adalah untuk penyediaan perkhidmatan dan bukan merupakan royalti. Ia merupakan pendapatan kelas khas di bawah perenggan 4A(ii) ACP.

**9. Pembayaran Pendahuluan dan Deposit**

- 9.1 Pembayaran pendahuluan dan deposit yang tidak boleh dikembalikan kepada penerima bukan pemastautin bagi pembelian atau penggunaan perisian merupakan sebahagian daripada pendapatan kasar sesuatu kontrak dan ia merupakan bayaran royalti.

Pembayaran pendahuluan dan deposit yang tidak boleh dikembalikan adalah dibuat semata-mata bagi penggunaan perisian di masa akan datang dan ia adalah sebahagian daripada amaun kasar yang kena dibayar bagi caj penggunaan tersebut. Oleh itu, bayaran ini tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109 ACP.

- 9.2 Sebaliknya, deposit yang dibayar semasa menandatangani sesuatu perjanjian, di mana deposit itu boleh diperolehi semula bukan sebahagian daripada pendapatan kasar sesuatu kontrak.

**10. Potongan Cukai**

- 10.1 Cukai pendapatan akan dikenakan bagi setiap tahun taksiran atas pendapatan orang yang bukan pemastautin yang dikenakan cukai ke atas bayaran royalti dari Malaysia, pada kadar 10% atas amaun kasar seperti yang diperuntukkan di Bahagian II, Jadual 1 ACP.

- (a) Cukai pegangan ditanggung oleh penerima bayaran

**Contoh 26**

Tulip Pte. Ltd., sebuah syarikat bukan pemastautin, telah mengenakan yuran langganan atas hak penggunaan perisian kepada Cempaka Sdn. Bhd., bernilai RM200,000. Tahun kewangan Cempaka Sdn. Bhd.

berakhir pada 31 Disember. Tulip Pte. Ltd. mengeluarkan invoice bertarikh 15.5.2023 kepada Cempaka Sdn. Bhd. bagi penggunaan perisian. Cempaka Sdn. Bhd. menjelaskan yuran langganan kepada Tulip Pte. Ltd. pada 10.6.2023.

Amaun kasar yang dibayar kepada Tulip Pte. Ltd. adalah merupakan bayaran royalti dan tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% di bawah seksyen 109 ACP.

#### Pengiraan Cukai Pegangan

	RM
Bayaran yuran langganan perisian	200,000
Tolak:	
Cukai pegangan (10%)	20,000
Bayaran kena dibayar kepada Tulip Pte. Ltd.	180,000

Cempaka Sdn. Bhd. hendaklah meremitkan cukai pegangan yang dipotong berjumlah RM20,000 kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) dalam tempoh sebulan selepas pembayaran telah dibayar atau dikreditkan kepada Tulip Pte. Ltd., iaitu pada atau sebelum 10.7.2023. Amaun yuran langganan penggunaan perisian boleh dibenarkan di dalam mengira pendapatan larasan Cempaka Sdn. Bhd. bagi tahun taksiran 2023 adalah sebanyak RM200,000.

- (b) Cukai pegangan ditanggung oleh pembayar

#### Contoh 27

Fakta adalah sama seperti di Contoh 26 kecuali Cempaka Sdn. Bhd. berjanji untuk membayar amaun penuh yuran langganan berjumlah RM200,000 kepada Tulip Pte. Ltd. Cempaka Sdn. Bhd. juga bersetuju untuk menanggung dan membayar cukai pegangan kepada KPHDN dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Bagi tahun kewangan berakhir 31.12.2023, amaun berikut telah dituntut oleh Cempaka Sdn. Bhd. sebagai perbelanjaan dalam akaun untung dan ruginya.

	RM
Bayaran yuran perisian kepada Tulip Pte. Ltd.	200,000
Campur:	
Cukai pegangan yang dibayar kepada KPHDN	20,000
Amaun yang dituntut dalam akaun untung rugi	220,000

Hanya yuran langganan perisian berjumlah RM200,000 sahaja boleh diberi potongan dalam mengira pendapatan larian perniagaan Cempaka Sdn. Bhd. untuk tahun taksiran 2023. Cukai pegangan (cukai Tulip Pte. Ltd.) yang ditanggung oleh Cempaka Sdn. Bhd. bukannya perbelanjaan yang boleh dibenarkan kerana ia bukan perbelanjaan yang kesemuanya dan semata-mata di dalam menghasilkan pendapatan kasarnya.

- 10.2 Bagi tujuan menentukan amaun cukai pegangan di mana bayaran dibuat kepada bukan pemastautin dalam mata wang bukan ringgit, pada masa bayaran dibuat, nilai Ringgit Malaysia yang sama nilai perlu dikira pada-
- (a) kadar mata wang asing semasa pada tarikh bayaran dibuat (kadar ditunjukkan dalam pemindahan bertelegraf);
  - (b) kadar yang diumumkan dalam portal rasmi LHDNM; atau
  - (c) kadar yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia.

Cukai pegangan hendaklah dikira berdasarkan amaun dalam RM pada tarikh bayaran dibuat kepada bukan pemastautin.

- 10.3 Cukai pegangan di bawah seksyen 109 ACP adalah cukai muktamad. Walau bagaimanapun, jika seorang penerima bukan pemastautin mempunyai pendapatan daripada punca lain selain daripada pendapatan royalti, dia perlu memfailkan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP). Pendapatan royalti boleh dilaporkan dalam BNCP tersebut dan dalam kes ini pendapatan akan dikenakan cukai pada kadar 10% dan pelepasan di bawah seksyen 110 ACP akan diberikan terhadap cukai pegangan yang telah dibayar dalam mengira cukai yang perlu dibayar dalam suatu tahun taksiran [perenggan 109(3)(a) ACP].

## **11. Meremitkan Cukai yang Telah Dipotong**

- 11.1 Seorang pembayar, biasanya orang yang menjalankan perniagaan di Malaysia, adalah bertanggungjawab untuk memotong dan meremitkan cukai pegangan di bawah seksyen 109 ACP kepada KPHDN dan membayar amaun bersih tersebut kepada penerima bukan pemastautin. Pembayar mesti membayar cukai pegangan yang telah dipotong itu kepada KPHDN dalam tempoh sebulan selepas membayar atau mengkredit kepada penerima.

11.2 Kaedah penghantaran Borang CP 37 dan pembayaran cukai pegangan:

(a) e-WHT

Setelah mengisi maklumat bayaran dengan lengkap, pembayar cukai boleh memilih saluran bayaran melalui ByrHASIL, perkhidmatan bank yang terpilih atau di kaunter Pusat Pengurusan Terimaan Hasil (PPTH) dengan menggunakan Nombor Bil yang diberikan pada slip. Sekiranya bayaran dibuat melalui bank dalam negara yang merupakan bank ejen LHDNM, adalah disarankan bayaran dibuat melalui ByrHASIL dan perkhidmatan bank yang terpilih. Slip transaksi bayaran melalui bank adalah dianggap sebagai bukti bayaran, resit asal tidak akan dikeluarkan.

(b) Kaunter Pusat Pengurusan Terimaan Hasil (PPTH)

Sekiranya bayaran melalui kaunter PPTH, pembayar cukai diminta untuk mengisi maklumat bayaran yang lengkap sehingga janaan nombor bil, dan mencetak slip bayaran menggunakan platform e-WHT (<https://mytax.hasil.gov.my/>). Slip bayaran e-WHT tersebut perlu dikemukakan ketika membuat bayaran. Medium bayaran yang diterima adalah tunai dan bank draf.

Maklumat PPTH:

NEGERI	ALAMAT
Semenanjung Malaysia	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Pusat Bayaran Kuala Lumpur Tingkat Bawah & 15, Blok 8A Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Tuanku Abdul Halim, Karung Berkunci 11061 50990 Kuala Lumpur
Sabah & Wilayah Persekutuan Labuan	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Pusat Bayaran Kota Kinabalu Tingkat Bawah, 3 & 4 Menara Hasil Jalan Tuanku Abdul Rahman 88600 Kota Kinabalu
Sarawak	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Cawangan Kuching Pusat Bayaran Kuching Unit Operasi Kutipan Cukai Aras 1, Wisma Hasil No 1, Jalan Padungan 93100 Kuching



(c) Sistem e-TT

Pembayar cukai perlu mengisi maklumat bayaran yang lengkap dan menjana nombor VA menggunakan e-TT terlebih dahulu bagi membolehkan bayaran dibuat melalui *Telegraphic Transfer (TT)/ Interbank Transfer Giro (IBG)/Electronic Fund Transfer (EFT)* dari akaun pembayar cukai ke akaun LHDNM. Perkhidmatan ini disediakan kepada pembayar cukai yang tidak mempunyai akaun perbankan di Malaysia atau pemegang akaun bank yang bukan merupakan ahli FPX.

## 12. Kesan Tidak Memotong dan Meremit Cukai

- 12.1 Di mana pembayar gagal memotong dan meremitkan apa-apa amaun cukai pegangan yang kena dibayar kepada KPHDN di bawah subseksyen 109(1) ACP, amaun yang gagal dibayar akan dinaikkan sebanyak 10% daripada bayaran yang tertakluk kepada potongan cukai dan jumlah amaun tersebut merupakan hutang kepada Kerajaan dan kena dibayar dengan serta merta kepada KPHDN [subseksyen 109(2) ACP].

### Contoh 28

Silver Sdn. Bhd. telah gagal memotong dan meremitkan cukai sebanyak RM5,000 berhubung dengan suatu pembayaran sebanyak RM50,000 pada 30.4.2023, yang dikenakan cukai ke atas bayaran royalti kepada Rainbow Ltd., sebuah syarikat bukan pemastautin. Amaun cukai pegangan yang gagal dibayar oleh Silver Sdn. Bhd. akan dinaikkan sebanyak RM500 (10% daripada RM5,000). Jumlah keseluruhan sebanyak RM5,500 merupakan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

- 12.2 Di mana pembayaran berhubung dengan pendapatan royalti adalah tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109 ACP dan pembayar gagal memotong dan meremitkan cukai tersebut kepada KPHDN mengikut subseksyen 109(1) ACP, tuntutan ke atas pembayaran tersebut tidak akan dibenarkan sebagai perbelanjaan dalam mengira pendapatan larasan daripada mana-mana punca pendapatan pembayar [perenggan 39(1)(f) ACP]. Walau bagaimanapun, jika pembayar kemudiannya membayar amaun yang terhutang itu bersama-sama dengan amaun kenaikan (sepertimana dinyatakan dalam perenggan 13.1), bayaran royalti tersebut boleh dibenarkan sebagai potongan [proviso kepada perenggan 39(1)(f) ACP].

Walaupun perbelanjaan dilakukan di bawah subseksyen 33(1) ACP, potongan tidak dibenarkan di bawah perenggan 39(1)(f) ACP sekiranya cukai pegangan tidak dibayar atau diremitkan kepada KPHDN.



12.3 Berkuat kuasa 1.1.2011, bagi tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran seterusnya, sebagai tambahan kepada penalti lewat bayar yang disebut dalam perenggan 13.1 di atas, di mana –

- (a) potongan cukai pegangan dibuat atau dibayar selepas tarikh akhir pengemukaan BNCP bagi suatu tahun taksiran yang berkaitan dengan pembayaran pendapatan royalti; dan
- (b) potongan bagi perbelanjaan yang berkaitan dengan bayaran tersebut dituntut dalam BNCP yang dikemukakan atau dituntut dalam maklumat yang diberikan kepada KPHDN dalam mengira pendapatan larasan pembayar

cukai atau amaun yang dibayar tidak menjejaskan pengenaan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP [proviso kepada perenggan 39(1)(f) ACP].

Dalam erti kata lain, jika pembayar menuntut potongan dalam BNCP untuk perbelanjaan yang tertakluk kepada cukai pegangan manakala cukai pegangan tidak dibayar atau diremitkan, KPHDN diberi kuasa untuk mengenakan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP untuk BNCP yang tidak dilaporkan dengan betul (incorrect returns). Ini terpakai tidak kira sama ada BNCP telah difailkan dalam atau selepas tarikh pengemukaan bagi tahun taksiran yang berkaitan.

Jika cukai pegangan belum kena dibayar dan tiada bayaran atau pengkreditan dibuat kepada penerima bukan pemastautin pada atau sebelum tarikh pengemukaan BNCP, tanpa mengambil kira sama ada bayaran cukai pegangan telah dibayar atau diremitkan kepada KPHDN, potongan tidak dibenarkan di bawah perenggan 39(1)(f) ACP.

### **13. Permohonan untuk Relif Selain Berkenaan Kesilapan atau Khilaf di bawah Seksyen 131A ACP**

Berkuat kuasa 1.1.2017, seorang pembayar yang telah mengemukakan BNCP kepada KPHDN bagi suatu tahun taksiran dan telah membayar cukai bagi tahun taksiran itu boleh memfailkan permohonan untuk relif jika pembayar mendakwa bahawa taksiran berkaitan tahun taksiran itu adalah berlebihan. Taksiran tersebut dikatakan berlebihan jika suatu potongan tidak dibenarkan berkaitan bayaran yang belum kena dibayar di bawah seksyen 109 ACP pada hari BNCP dikemukakan. Pembayar boleh membuat permohonan bertulis kepada KPHDN dalam masa satu tahun selepas tahun akhir pembayaran tersebut dibuat.

#### **Contoh 29**

Seesaw Sdn. Bhd. yang menutup akaun kewangannya pada 31 Disember setiap tahun tidak menuntut perbelanjaan royalti yang kena dibayar kepada Seesaw Ltd.

bagi TT 2023 kerana royalti dan cukai pegangan hanya akan dibayar pada 30.9.2024. Syarikat boleh memohon relif di bawah seksyen 131A ACP untuk membuat pindaan kepada pengiraan cukai TT 2023 sebelum 31.12.2025.

**14. Rayuan oleh Pembayar atas Bayaran Cukai Pegangan di bawah Seksyen 109H ACP**

Mulai 1.1.2013, pembayar yang kena membayar cukai pegangan di bawah seksyen 109 ACP boleh merayu kepada Pesuruhjaya Khas sekiranya asas rayuan adalah bayaran cukai pegangan tidak kena dibayar di bawah ACP. Rayuan perlu dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh amaun tersebut perlu dibayar kepada KPHDN.

Walau bagaimanapun, rayuan tidak boleh dibuat oleh pembayar di bawah keadaan berikut:

- (a) orang yang bukan pemastautin telah menfailkan rayuan kepada Pesuruhjaya Khas berhubung dengan bayaran royalti yang berkaitan dengan cukai pegangan;
- (b) bayaran royalti kepada bukan pemastautin telah tidak dibenarkan sebagai potongan di bawah seksyen 39 ACP dalam pengiraan pendapatan larasan; atau
- (c) cukai pegangan yang kena dibayar tidak dibayar kepada KPHDN oleh pembayar.

**15. Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali (PPPDK)**

Malaysia telah membuat perjanjian dengan beberapa negara untuk mengelak pencukaaian dua kali dan pencegahan pengelakan fiskal.

15.1 Jika PPPDK telah ditandatangani dengan sebuah negara tertentu, PPPDK tersebut pada amnya akan termasuk Artikel Royalti yang memperuntukan bahawa royalti yang diperoleh atau terbit dari Malaysia boleh dikenakan cukai di Malaysia (iaitu tertakluk kepada cukai pegangan di Malaysia). PPPDK boleh memperuntukkan kadar keutamaan cukai pegangan atas pendapatan royalti. Untuk layak kadar keutamaan, pengesahan bertulis dalam bentuk surat atau sijil daripada pihak berkuasa percukaaian negara berkaitan yang mengesahkan taraf mastautin penerima perlu dikemukakan bersama-sama dengan Borang CP37 semasa membuat bayaran cukai pegangan.

15.2 Jika Malaysia tidak membuat perjanjian PPPDK atau terdapat PPPDK terhad dengan sesebuah negara tertentu, undang-undang domestik Malaysia diutamakan.

15.3 Di bawah PPPDK, jika pendapatan yang sama dikenakan cukai di kedua-dua negara (Malaysia dan negara pejanji), pembayar cukai (bukan pemastautin)

boleh menuntut pelepasan cukai yang dikenali sebagai kredit dua belah pihak (Bilateral Credit) di negara di mana ia bermastautin.

Walau bagaimanapun, sekiranya cukai pegangan adalah ditanggung oleh pembayar (pemastautin Malaysia) dan bukannya oleh bukan pemastautin, maka kredit dua belah pihak tidak dapat dituntut oleh bukan pemastautin tersebut.

## **16. Pengecualian Cukai Pegangan atas Royalti**

Terdapat beberapa pengecualian yang diberikan atas pendapatan royalti yang diterima oleh bukan pemastautin seperti berikut:

16.1 Mulai 1.3.2019, pengecualian cukai pegangan diperuntukkan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2019 [P.U. (A) 147/2019] atas pembayaran yang diterima oleh bukan pemastautin daripada pengguna akhir yang merupakan seorang individu pemastautin di Malaysia, yang membeli perisian atau memperoleh apa-apa hak untuk menggunakan perisian untuk kegunaan peribadi dan bukan untuk kegunaan dalam perniagaannya.

(a) Bayaran untuk muat turun aplikasi oleh individu untuk kegunaan sendiri

### **Contoh 30**

Puan Shidah telah memuat turun aplikasi drama-drama Korea dan India daripada beberapa laman sesawang untuk kegunaan sendiri. Transaksi muat turun ini boleh diperolehi secara percuma dan juga akan dikenakan bayaran oleh laman sesawang tertentu.

Bayaran yang dikenakan bagi membolehkan penggunaan aplikasi muat turun tersebut adalah merupakan bayaran royalti dan tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109 ACP.

Walau bagaimanapun, mulai 1.3.2019, pengecualian cukai pegangan diperuntukkan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2019 [P.U. (A) 147/2019].

(b) Bayaran untuk pembelian perisian oleh individu untuk kegunaan peribadi

### **Contoh 31**

Asman merupakan pekerja sebuah syarikat di Malaysia. Beliau telah membeli sebuah komputer termasuk perisian daripada sebuah syarikat di Singapura untuk kegunaan peribadi bagi memudahkan urusan pekerjaannya.

Bayaran yang dikenakan bagi pembelian atau penggunaan perisian adalah merupakan bayaran royalti dan tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109 ACP. Walau bagaimanapun, bayaran adalah dikecualikan cukai pegangan mulai 1.3.2019 di bawah P.U. (A) 147/2019 kerana Asman adalah pemastautin di Malaysia dan menggunakan perisian untuk kegunaan peribadi.

- 16.2 Royalti yang diterima daripada syarikat luar pesisir oleh bukan pemastautin atau suatu syarikat luar pesisir yang lain dikecualikan cukai pegangan mengikut Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 22) 2007 [P.U. (A) 437/2007].
- 16.3 Terdapat peruntukan di bawah PPPDK antara Malaysia dengan negara tertentu yang mengecualikan royalti daripada dikenakan cukai di negara royalti diperoleh. Sebagai contoh PPPDK antara Malaysia dengan Norway, New Zealand, Netherlands dan Australia. Walau bagaimanapun, pengecualian hanya terpakai sekiranya royalti tersebut diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Dalam kebanyakan PPPDK, Industri Royalti Yang Diluluskan adalah dikecualikan cukai. Industri Royalti Yang Diluluskan telah ditakrifkan sebagai royalti yang telah:

- (a) diluluskan dan disahkan oleh Menteri Kewangan;
- (b) bagi tujuan menggalakkan pembangunan perindustrian di Malaysia; dan
- (c) dibayar oleh syarikat yang menjalankan aktiviti dalam sektor:
  - (i) pembuatan, pemasangan dan pemprosesan;
  - (ii) pembinaan, kejuruteraan awam atau pembinaan kapal; atau
  - (iii) elektrik, kuasa hidraulik, gas, bekalan air.

## **17. Penafian**

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**